



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil
Iklan Pilihanraya
(Majlis Perbandaran Pengerang)
2020**


***Election Advertisement
(Pengerang Municipal Council)
By-Laws
2020***

Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / <i>By-Laws</i>
Nombor Sumber Kuasa	UUK 3
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 36 / 2020
Tarikh Warta	08 Oktober 2020
Tarikh Berkuat Kuasa	08 Oktober 2020



**UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENERANG**

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Dajaru Utama, 81930 Bandar Penawar, JOHOR
07-886 2692 07-886 2656 legakunit@mppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 21

8hb Oktober 2020

*TAMBAHAN No. 18
PERUNDANGAN*

J. P.U. 36.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHANRAYA
(MAJLIS PERBANDARAN PENERANG) 2020**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya
4. Permohonan untuk permit
5. Bentuk dan jangka masa permit
6. Daftar permit
7. Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi
8. Pengalihan iklan pilihanraya oleh Majlis
9. Pelucuthakkan deposit
10. Cara mempamerkan iklan pilihanraya
11. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu
12. Kesalahan dan penalti am

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Pengerang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Pengerang) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Pengerang.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“bahagian pilihanraya Negeri” ertinya bahagian pilihanraya yang dipersempadankan mengikut Perkara 117 Perlembagaan Persekutuan;

“bahagian pilihanraya Parlimen” ertinya bahagian pilihanraya yang dipersempadankan mengikut Perkara 116 Perlembagaan Persekutuan;

“ejen pilihanraya” ertinya orang yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954 [*Akta 5*], oleh seseorang calon untuk pilihanraya sebagai ejennya untuk pilihanraya itu;

“hari mengundi” berhubung dengan sesuatu pilihanraya, ertinya tempoh, yang mungkin berlanjutan selama satu hari atau lebih, yang bermula dari permulaan hari pemungutan undi dalam pilihanraya itu dijadualkan untuk dimulakan dan yang berakhir pada masa pengisytiharan keputusan pilihanraya itu oleh pegawai pengurus Pilihanraya;

“iklan pilihanraya” ertinya apa-apa bendera, merual, tetunggul, panji-panji, cogan kata, poster atau label yang dipamerkan sebagai atau bagi maksud diayah politik;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“parti politik” mempunyai erti yang sama dalam Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];

“permit” ertinya permit untuk mempamerkan iklan pilihanraya yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

“pilihanraya” ertinya pilihanraya Parlimen atau pilihanraya Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“writ” ertinya writ bagi pilihanraya yang dikeluarkan di bawah seksyen 12 Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*]; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya

3. (1) Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihanraya di mana-mana lebuhraya atau tempat kecuali di bawah dan mengikut permit yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut, sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-Undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Permohonan untuk permit

4. (1) Sesuatu permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua—

- (a) oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam bahagian pilihanraya Parlimen dan bahagian pilihanraya Negeri berkenaan;
- (b) jika orang yang akan bertanding dalam pilihanraya itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri; atau
- (c) oleh ejen pilihanraya yang dilantik oleh seorang calon untuk pilihanraya itu.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Apabila menerima permohonan itu, Majlis hendaklah, atas pembayaran jumlah wang sebanyak lima ribu ringgit sebagai deposit bagi pematuan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, mengeluarkan kepada pemohon suatu permit bagi mempamerkan iklan pilihanraya dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam permit.

(4) Yang Dipertua boleh melampirkan, pada mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (3), apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan.

(5) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dilampirkan pada permit itu.

Bentuk dan jangka masa permit

5. Suatu permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis dan hendaklah habis tempohnya pada hari yang berikutan hari mengundi.

Daftar permit

6. Yang Dipertua hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggarakan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukannya, suatu daftar bagi segala permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4.

Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi

7. Tiap-tiap pemegang permit hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihanraya yang dipamerkan, dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan, olehnya.

Pengalihan iklan pilihanraya oleh Majlis

8. (1) Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa iklan pilihanraya atau apa-apa papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihanraya itu jika—

- (a) pemegang permit gagal mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 7;
- (b) Yang Dipertua berpuas hati bahawa iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit; atau
- (c) berlakunya pelanggaran syarat-syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua.

(2) Segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Majlis dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Majlis oleh pemegang permit atau, jika iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit, oleh orang yang menyebabkan iklan pilihanraya itu dipamerkan sedemikian, dan hendaklah didapatkan kembali dalam mahkamah dengan sewajarnya.

Pelucuthakkan deposit

9. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, jika—

- (a) terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat permit; atau
- (b) terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

Yang Dipertua hendaklah melucutkan hak deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 4 jika, selepas memberikan pemegang permit suatu peluang untuk didengar, dia gagal memuaskan hati Yang Dipertua tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucutkan hak.

(2) Apa-apa deposit yang tidak dilucutkan hak di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa apa-apa faedah selepas empat belas hari dari masa habisnya tempoh permit itu.

Cara mempamerkan iklan pilihanraya

10. Sesuatu iklan pilihanraya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja—

- (a) dengan melekatkan pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
- (b) dengan menggantungkan iklan pilihanraya itu di sepanjang mana-mana lebu, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
- (c) dengan menanam penopang iklan pilihanraya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam permit.

Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu

11. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atau membina atau mendirikan apa-apa papan tanda atau struktur lain mengikut apa-apa cara sehinggakan ia meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalulintas, tanda arahan atau lampu perhiasan;
- (b) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atas atau merintangi mana-mana lebu; atau
- (c) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.

Kesalahan dan penalti am

12. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan, denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Bertarikh 13 Julai 2020
[Bil(57)dlm.MPP: MPP/PUU/05/20]
[SUKJ.KT. 24/69/21 Jld. 3(31);
PPUUNJ. 600-1/7/13(4)]

HAJAH HAZLINA BINTI JALIL
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

Disahkan pada 5 Ogos 2020
[Ringkasan Mesyuarat Bil.: 890/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor